

HARIAN METRO

# Rehat sehari

■ Skuad terjun negara 'berkorban' bagi hadapi cabaran kejohanan dunia di Kanada

Aida Adilah Mat

aida\_adilah@NSTP.com.my

Sepang

T iada istilah cuti rehat buat barisan penerjun negara apabila mereka berdepan jadual padat biarpun baru tiba di tanah air selepas menyertai temasya Sukan Komanwel Gold Coast 2018.


Hanya diberikan rehat sehari, mereka akan kembali menjalani latihan hari ini.

Penerjun utama wanita, Cheong Jun Hoong, Pandelela Rinong dan Nur Dhabitah Sabri bakal membawa cabaran negara pada Kejohanan Terjun Siri Dunia di Montreal Kanada 27 April ini.

Selain itu, ada tiga lagi kejohanan penting buat mereka iaitu dua Siri Terjun Dunia dan Piala Dunia di Wuhan China pada Jun sebelum ke Sukan Asia Indonesia-Palembang pada Ogos ini.

Bagi juara dunia, Jun Hoong biarpun pulang dengan satu emas hasil kejayaannya dalam acara 10 meter seirama bergandingan bersama Pandelela, dia tetap tidak mahu meletakkan sebarang sasaran di semua kejohanan yang disertainya.

"Saya tak akan terlalu memberi tekanan untuk menang di setiap kejohanan yang disertai. Apa yang perlu dilakukan ambil setiap cabaran itu satu persatu dan kemudian tengok apa yang boleh dilakukan.



AKSI 'emas'  
Pandelela (kiri) dan  
Jun Hoong dalam  
acara 10m terjun  
seirama.



DARI kiri, Dhabitah, Mun Yee, Pandelela dan Jun Hoong menunjukkan pingat masing-masing.

"Itu yang saya lakukan di semua kejohanan yang disertai termasuk di Sukan Asia nanti," katanya.

Nama Jun Hoong mula

melonjak hasil kejayaannya meruntuhkan penguasaan penerjun dari China untuk muncul juara di Kejohanan Dunia di Budapest, Hungary tahun lalu.

Aksinya terus konsisten apabila membuka tahun ini

dengan kejayaan satu perak dan satu gangsa di dua siri Kejohanan Terjun Dunia masing-masing di Beijing dan Jepun.

Skuad terjun negara mematangkan saingan di Sukan Komanwel dengan satu emas dan dua gangsa.

Dua gangsa disumbang oleh Nur Dhabitah dan Leong Mun Yee dalam acara 3m papan anjal terjun seirama serta 10m terjun seirama.